

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

BAT 312/3 - BIOLOGI AIR TAWAR & LAUT

Masa: [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BAT 312/3)

1. Dalam satu kajian di terumbu karang Teluk Ketapang pelajar-pelajar Universiti Sains Malaysia telah mendapati bacaan oksigen terlarut seperti gambarajah di bawah. Bacaan tersebut diperolehi semasa pasang anak pada hari yang tenang.

(a) Nyatakan bagaimana data yang diperolehi ini dapat memberikan gambaran produktiviti primer pada kawasan ini.

(10 markah)

(b) Huraikan EMPAT keadaan persekitaran fizikal yang dapat mempengaruhi produktiviti primer di kawasan ini.

(10 markah)

2. "Terdapat perbezaan pada adaptasi organisma-organisma yang hidup di pantai berselut berbanding dengan yang hidup di pantai berbatu." Bincangkan kenyataan di atas dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.

(20 markah)

3. Bincangkan rantaian makanan yang terdapat pada kawasan bakau atau pada kawasan rawang masin.

(20 markah)

(BAT 312/3)

4. Dengan memberikan contoh yang spesifik terangkan setiap cara pemakanan di bawah;
- (a) pemakanan bahan terampai
 - (b) peragut di kawasan marin
 - (c) pemakan bahan terpendap
 - (d) pemakanan secara penurasan

(20 markah)

5. Perbadanan Pembangunan Langkawi bercadang membina sebuah jalan mengelilingi Tasik Dayang Bunting. Beberapa buah jambatan juga dicadangkan bagi melintasi sungai-sungai yang mengalir masuk ke tasik tersebut. Bincangkan kesan pembangunan tersebut ke atas ekosistem Tasik Dayang Bunting.

(20 markah)

6. Bincangkan taburan plankton di laut,

(20 markah)

RAJAH UNTUK SOALAN 1.

KEPEKATAN OKSIGEN TERLARUT MELAWAN MASA DI KAWASAN TERUMBU KARANG TELOK KETAPANG

